



## **SIARAN MEDIA**

### **NRES LUNCUR 'GREEN DOOR CRITERIA DOCUMENT' FRIM**

9 Oktober 2024 - YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah melancarkan 'Green Door Criteria Document' petang tadi sempena Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan & Produk Eko Hijau Antarabangsa' (IGEM) 2024 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Dokumen yang dibangunkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan pemegang taruh industri ini merupakan garis panduan dalam pembuatan produk pintu hijau untuk menyokong pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan.

Ia memberi panduan kepada pihak industri dalam memenuhi keperluan pensijilan hijau, selari dengan aspirasi global bawah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG2030). Dokumen ini juga penting bagi usaha:

- Meningkatkan kecekapan tenaga dalam penghasilan pintu hijau;
- Memastikan produk mematuhi piawaian antarabangsa dalam mengurangkan pelepasan karbon;
- Meningkatkan kesedaran pengguna dari aspek keselamatan, kesihatan, kualiti dan alam sekitar;
- Menjalankan tanggungjawab sosial dalam memastikan impak positif terhadap masyarakat dan alam sekitar; serta
- Memastikan keseimbangan ekosistem dalam sektor pembuatan.

Dokumen ini telah diiktiraf oleh badan-badan industri seperti Majlis Kayu Kumai dan Tanggam Malaysia (Malaysian Wood Molding & Joinery Council - MWMJC) serta Persatuan Kayu Malaysia (Malaysian Timber Association - MTA) dan akan dikemas kini secara berkala berdasarkan perubahan keperluan semasa.

Pelbagai program dan piawaian pengiktirafan antarabangsa telah diambil kira dalam pemilihan kriteria dalam dokumen ini. Metodologi penilaian yang diguna pakai adalah berdasarkan kriteria yang diterima daripada piawaian antarabangsa serta pengiktirafan setara yang digunapakai oleh negara-negara lain.

Nik Nazmi juga menyampaikan sijil kepada syarikat-syarikat yang menyertai Pensijilan Pintu Hijau iaitu Weng Meng Industries Sdn Bhd, Famous Ed Sdn Bhd dan Mollic System Sdn Bhd serta Furnitech Industries (M) Sdn Bhd, One Tech (M) Sdn Bhd, Malpro Industries Sdn Bhd dan Impressive Transforms Sdn Bhd yang menerima Pensijilan Perabot Hijau.

Turut hadir, Dato' Dr Ismail Parlan, Ketua Pengarah FRIM. Beliau berkata inisiatif ini menyokong Strategi Keberhasilan Reformasi (SKR) iaitu memperkukuh budaya hijau dan kelestarian sumber melalui kerjasama dengan pihak industri yang berkenaan.

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:*

*Toh An Nee  
Ketua Komunikasi Korporat  
012-250 6897*

*Lim Chung Lu  
Pegawai Media  
017-479 7687*